



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini telah memaklumkan bahawa kemunculan varian Omicron akan menyaksikan berlakunya peningkatan kes harian COVID-19 dalam negara. Bermula Ahad, 6 Februari 2022, Malaysia kembali mencatatkan jumlah kes positif melebihi 10,000 ribu kes.

KES:

- Pada 6 Feb 2022, Malaysia telah melaporkan 10,089 kes baharu COVID-19, menjadikan jumlah kes COVID-19 sejak bermulanya pandemik ini sebanyak 2,914,220 kes. **Kali terakhir negara kita melaporkan kes 5 angka adalah pada 2 Oktober 2021**, iaitu empat bulan yang lalu.
- Terdapat peningkatan ketara kes baharu harian pada bulan Februari tahun ini. Sejumlah 5,566 kes baharu COVID-19 dilaporkan pada 1 Feb; 5,736 kes pada 2 Feb 2022; 5,720 kes pada 3 Feb; 7,234 kes pada 4 Feb; 9,117 kes pada 5 Feb dan 10,089 kes pada 6 Feb.
- Hari ini, bilangan kes COVID-19 positif yang dilaporkan adalah sebanyak **11,034 kes**.
- Peningkatan ini bukan sesuatu yang luar jangka. Situasi ini disebabkan penularan varian Omicron yang lebih mudah merebak. Peningkatan kes juga disaksikan di negara-negara lain di seluruh dunia.
- Jumlah kes pada Minggu Epid 4 (23 – 29 Jan 2022) adalah 31,980 kes; manakala pada Minggu Epid 5 (30 Jan – 5 Feb 2022) adalah 43,062 kes – peningkatan sebanyak 34.7%.

**TABURAN KUMULATIF KES COVID-19 DI MALAYSIA
ME 53/2020 (1 - 2 JANUARI 2021) - ME 6/2022 (SEHINGGA 6 FEBRUARI 2022)**




CPRC Kebangsaan KKM

- Kebanyakan kes juga merupakan kes yang **tidak bergejala** atau **bergejala ringan**, dalam **kategori klinikal 1 dan 2**.
- Daripada jumlah kes pada Minggu Epid 5, sebanyak **42,727 (99.2%)** adalah **kategori 1 & 2**; dan hanya **335 (0.8%)** adalah **kategori 3** hingga **5**.
- Namun begitu, apabila jumlah kes keseluruhan meningkat, bilangan kes mengikut kategori juga meningkat; iaitu peningkatan sebanyak 35% bagi kes kategori 1 & 2 pada Minggu Epid 5 berbanding Minggu Epid 4, dan peningkatan 17% bagi kes kategori 3 – 5.
- Pada Minggu Epid 5, jumlah kes kematian akibat COVID-19 adalah 68 kes, iaitu penurunan sebanyak 8.1% berbanding Minggu Epid 4. Manakala bilangan kes ICU adalah 91 kes, pengurangan 17% berbanding minggu sebelumnya.

KLUSTER

- Pada Minggu Epid 5, terdapat **89 kluster baharu COVID-19** yang dikenal pasti dengan 353 kluster aktif. Daripada 89 kluster baharu ini:
 - 52 (58.4%) merupakan kluster pendidikan;
 - 20 (22.5%) kluster tempat kerja;
 - 7 (7.9%) kluster komuniti;
 - 6 (6.7%) kluster dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi;
 - 3 (3.4%) kluster pusat tahanan; dan
 - 1 (1.1%) kluster keagamaan.
- Terdapat **penurunan jumlah kluster yang dilaporkan pada Minggu Epid 5 iaitu sebanyak 16%** berbanding 106 kluster dilaporkan pada minggu sebelumnya (Minggu Epid 4 tahun 2022).
- **Kategori kluster yang menunjukkan peningkatan** pada Minggu Epid 5 tahun 2022 adalah:
 - Kluster Tempat Kerja
 - Peningkatan 5.3% daripada Minggu Epid 4 kepada 20 kluster pada Minggu Epid 5
 - Kluster Komuniti
 - Peningkatan 75% daripada 4 kluster pada Minggu Epid 4 kepada 7 kluster pada Minggu 5.
 - Kluster Kumpulan Berisiko
 - Peningkatan 200% daripada 2 kluster pada Minggu Epid 4 kepada 6 kluster pada Minggu Epid 5.
 - Kluster Pusat Tahanan
 - Tiga (3) kluster dilaporkan pada Minggu Epid 5 berbanding tiada kluster pada Minggu Epid 4.
 - Kluster Aktiviti Keagamaan
 - Satu (1) kluster dilaporkan pada Minggu Epid 5 berbanding tiada kluster pada Minggu Epid 4.

- Manakala Kluster Pendidikan telah menunjukkan penurunan sebanyak 35.8% pada Minggu Epid 5, iaitu daripada 81 kluster pada Minggu Epid 4 kepada 52 kluster pada Minggu Epid 5.



Graf 2: Trend Kluster dilaporkan Mengikut Minggu Epidemiologi dan kategori tahun 2022 hingga Minggu Epidemiologi kelima (ME 5/2022)

PENGGUNAAN KATIL DI HOSPITAL

- Sebanyak **3,233 katil digunakan** daripada 9,776 yang disediakan, dengan **kadar penggunaan 33%**. Ini merupakan peningkatan sebanyak 4% berbanding minggu sebelumnya.
- Manakala kadar **penggunaan katil ICU pula adalah 14%** atau 116 daripada 850 katil yang disediakan, **penurunan sebanyak 1%**.
- Buat masa ini, kadar penggunaan katil COVID-19 di fasiliti kesihatan kekal berada di tahap yang **TIDAK MEMBEBANKAN**.
- Setakat 6 Februari 2022, KKM telah bersiap sedia dengan:
 - 120 Hospital COVID-19
 - 9 Full COVID1-9 Hospital

- *111 Hybrid COVID-19 HOSPITAL*
- 43 buah Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah PKRC dengan kapasiti 10,810 buah katil.
- Bagi memastikan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi gelombang terbaharu ini, KKM juga telah mengaktifkan semula **National COVID-19 Rapid Response Task Force (RRTF)**.
 - RRTF adalah jawatankuasa khas yang akan melaksanakan tindakan awalan pantas dalam mengawal penularan di sesebuah negeri atau kawasan antaranya menambah katil dan mengubah suai katil bukan COVID-19, membina hospital medan dan menyumberluaran pesakit ke hospital swasta.
 - RRTF ini akan dipengerusikan secara bersama oleh **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)** dan **Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)**, yang akan membuat pelaporan terus kepada YB Menteri Kesihatan.

PERBANDINGAN DENGAN NEGARA LAIN

Singapura melaporkan lebih 13,208 kes baharu jangkitan COVID-19 pada 4 Feb 2022, 3 kali ganda berbanding hari sebelumnya. Pada 5 Februari, **Korea** pula melaporkan kes harian COVID-19 sebanyak 38,670 kes, **Indonesia** 33,729 kes, **Thailand** 10,879 kes, **Filipina** 7,469 kes, **Australia** 22,985 kes dan **Jepun** 102,275 kes.

VAKSINASI

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sehingga 6 Februari 2022, seramai:
 - **25,720,902 atau 78.8%** penduduk Malaysia **berumur 12 tahun dan ke atas** telah menerima **dos lengkap vaksin COVID-19**;

- **33,599** atau **1%** kanak-kanak berumur **5 hingga bawah 12 tahun** telah menerima **dos pertama vaksin COVID-19**; dan
- **12,361,663** atau **52.8%** penduduk Malaysia berumur **18 tahun dan ke atas** telah menerima **dos penggalak vaksin COVID-19**.
- Dos penggalak **memberi perlindungan daripada jangkitan COVID-19 terutama sekali komplikasi teruk**. Data harian menunjukkan individu yang **belum divaksin adalah 9 kali lebih berkemungkinan untuk dijangkiti dan 62 kali lebih berkemungkinan kematian akibat COVID-19** berbanding individu yang telah lengkap vaksin atau telah mengambil dos penggalak (**Rajah 1**).
- KKM amat mengalakkan penduduk Malaysia untuk mendapatkan dos penggalak dengan seberapa segera bagi melindungi diri, keluarga dan negara terutama dengan peningkatan kes yang mendadak berkaitan dengan varian Omicron.



Rajah 1: Kadar jangkitan dan kematian per 100,000 penduduk mengikut status vaksinasi.

- Risiko jangkitan teruk juga adalah lebih tinggi dalam kalangan warga emas. Daripada 32,034 kematian sehingga 6 Feb 2022, sebanyak 18,362 atau 57.32% melibatkan warga emas. Sehingga kini, terdapat lebih kurang **32% atau 1 juta warga emas yang masih belum mengambil dos penggalak.**
- Sehubungan itu, KKM meminta supaya individu yang berumur 60 tahun dan ke atas segera mendapatkan dos penggalak dan boleh datang secara *walk-in* di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berhampiran.
- KKM ingin memaklumkan sekali lagi, semua penduduk berusia 60 tahun dan ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac 2022.

PENJAGAAN KLINIKAL BAGI KES COVID-19

Orang ramai dinasihati supaya:

- a) Jalani segera ujian COVID-19 sekiranya bergejala; muat naik keputusan sama ada positif atau negatif ke MySejahtera.
- b) Individu positif COVID-19 **kategori 1 (tiada gejala) dan 2A (gejala ringan)**, dan **tidak berisiko tinggi** (60 tahun ke bawah dan tidak mempunyai sebarang komorbid) **TIDAK PERLU HADIR ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)**.
 - a. Pesakit perlu melakukan pemantauan sendiri setiap hari melalui Health Assessment Tool (HAT) dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan Automated Voice Recording (robocall) akan dihantar sekiranya anda tidak menjalankan pemantauan sendiri melalui MySejahtera;

- c) Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat untuk penilaian tahap keterukan jangkitan akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>);
- d) Individu yang positif COVID-19 **kategori 2B (bergejala sederhana dan ke atas)** atau yang berada dalam kumpulan seperti di bawah, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada PKD/CAC:
- a. berumur 60 tahun ke atas,
 - b. mempunyai komorbid,
 - c. mempunyai gejala yang semakin teruk,
 - d. tidak mengambil vaksin atau belum lengkap vaksin;
- e) Tempoh isolasi (pengasingan) bagi individu positif COVID-19 yang tidak bergejala dan telah lengkap vaksinasi adalah tujuh (7) hari, manakala tempoh isolasi bagi individu positif COVID-19, bergejala dan tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari.
- f) Sementara itu bagi individu yang dikenal pasti sebagai **kontak rapat kepada kes positif COVID-19**, tempoh kuarantin adalah seperti berikut:
- a. 5 hari bagi individu yang telah terima dos penggalak;
 - b. 7 hari bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap;
 - c. 10 hari bagi individu yang belum lengkap vaksinasi atau belum divaksinasi.
- g) Bagi SEMUA individu yang dikenal pasti sebagai kontak rapat kepada kes positif (termasuk yang belum divaksinasi):
- a. Sekiranya **tidak mengalami sebarang gejala, tidak perlu hadir ke CAC dan tidak perlu lakukan ujian pengesanan COVID-19**
 - i. Kontak rapat akan diberikan HSO digital dan hanya perlu jalani kuarantin di kediaman.

- b. Sekiranya bersejaja, perlu lakukan ujian sendiri. Jika positif dan di dalam kategori 2A, teruskan pengasingan di tempat kediaman tanpa perlu hadir ke CAC.
 - i. Keputusan ujian mesti dilaporkan di dalam aplikasi MySejahtera.
 - ii. Lakukan pemantauan kesihatan harian sendiri menggunakan *Health Assessment Tool* (HAT) yang terdapat di dalam aplikasi MySejahtera.

PERSEDIAAN KLINIK KESIHATAN TERHADAP PENINGKATAN KES COVID-19:

- a) Semua klinik kesihatan bersedia untuk menerima kedatangan pesakit yang tinggi. Sehingga 7 Februari 2022, terdapat **370 buah CAC di Klinik Kesihatan dan di komuniti** yang sedang beroperasi untuk membuat penilaian pesakit positif COVID-19.
- b) CAC berfungsi untuk:
 - i. Mengenalpasti pesakit yang memenuhi kriteria untuk dipantau di rumah.
 - ii. Menilai dan memantau perkembangan pesakit sepanjang tempoh pengasingan.
 - iii. Mengenalpasti dan menyelaraskan pesakit yang perlu dirujuk Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC)/ hospital
 - iv. Menjalankan penilaian dan pelepasan (release order) kepada kes positif yang telah tamat tempoh pengasingan.
- c) Pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan sentiasa mengenal pasti Klinik Kesihatan dan dewan orang ramai yang sesuai untuk menambah bilangan CAC bagi menampung pertambahan kes COVID-19 jika ada keperluan

d) Selain itu, KKM ingin menyeru fasiliti kesihatan swasta untuk bertindak sebagai CAC swasta.

RAWATAN COVID-19:

- KKM dalam proses membangunkan COVID-19 Clinical Care Pathway bagi tujuan memulakan ubat antiviral terkini yang akan diberikan kepada pesakit COVID-19 berisiko tinggi pada peringkat lebih awal semasa mereka bergejala ringan bagi mencegah jangkitan menjadi lebih teruk.
- Rawatan antiviral ini akan meliputi pesakit di Klinik Kesihatan, COVID-19 Assessment Center, PKRC dan juga hospital bagi pesakit yang di masukkan ke wad. Rawatan akan dimulakan setelah bekalan ubat antiviral tersebut tersedia.

KESIMPULAN DAN NASIHAT:

Peningkatan kes COVID-19 buat masa ini masih tidak menjejaskan sistem kesihatan negara, walaupun negara kini berhadapan dengan ancaman varian Omicron yang lebih mudah merebak. Ini sebahagian besarnya disumbang oleh pencapaian liputan vaksinasi lengkap bagi populasi yang tinggi.




Figure: Number of confirmed COVID-19 cases, daily hospitalization, ICU occupancy and new deaths per day against the proportion of adult vaccinated

Oleh itu, KKM ingin menyarankan kepada mana-mana penduduk yang layak, terutamanya warga emas dan individu dengan komorbiditi, untuk mendapatkan dos penggalak. Bagi yang belum mendapatkan vaksinasi lengkap, anda boleh ke PPV yang berhampiran untuk menerima vaksin dos primer. Kepada ibu bapa yang masih belum mendaftarkan anak-anak yang berusia antara 5 hingga bawah 12 tahun untuk menerima vaksin kanak-kanak, segeralah daftarkan mereka untuk menerima vaksin COVID-19.

Sementara itu, Kerajaan juga mengalu-alu serta menggalakkan pihak majikan untuk meneruskan amalan bekerja dari rumah (work from home) atau melaksanakan sistem penggiliran kehadiran ke pejabat dalam usaha kita mewujudkan persekitaran yang selamat di tempat kerja.

Selain itu, KKM juga menyarankan supaya orang ramai mengaktifkan MySejahtera Trace di aplikasi MySejahtera bagi tujuan pengesanan kontak rapat. Pemilik premis juga diminta untuk meningkatkan kawalan kemasukan

pelanggan dengan menyemak status risiko dan vaksinasi di dalam aplikasi MySejahtera pelanggan.

Kita telah berjaya menstabilkan keadaan pandemik COVID-19 ini setelah gelombang Delta menyerang dan insya'Allah, kita juga boleh melawan varian Omicron. Terus patuhi SOP, amalkan 3W, elak 3S dan amalkan TRIIS (Test/Uji, Report/Lapor, Isolate/Asing, Inform/Maklum, Seek/Dapatkan rawatan).

Lindung Diri, Lindung Semua.

KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
7 FEBRUARI 2022